

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SPU 403 - Seminar Dasar dan Pentadbiran Awam

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Masa peperiksaan adalah tiga jam.
 2. Jawab **TIGA** (3) dari **Lima** (5) soalan.
 3. Semua soalan membawa markah yang sama.
 4. Anda boleh menjawab soalan yang mana sahaja terlebih dahulu.
 5. Selamat menjawab, semoga berjaya!
-

Soalan:

1. (a) Jelaskan dengan terperinci makna "penganalisaan UNTUK dasar" (*analysis FOR policy*) dan "penganalisaan DARI dasar" (*analysis OF policy*).
(b) Jelaskan pula apa perbezaan antara "penganalisaan UNTUK dasar" dan "penganalisaan DARI dasar".
2. Menurut pandangan seorang pakar penganalisaan dasar yang terkenal, Aaron Wildavsky, penganalisaan dasar adalah suatu "kemahiran seni" (*art*) dan suatu "keahlian" (*craft*).

Tuliskan sebuah esei dimana anda menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh Wildavsky dengan "kemahiran seni penganalisaan dasar" (*the art of policy analysis*) dan "keahlian penganalisaan dasar" (*the craft of policy analysis*). Jelaskan dengan memberikan hujah dan/atau contoh yang terperinci.

3.

Pemaju perlu atasi masalah penduduk

Georgetown, Selasa - Pihak pemaju gedung membeli-belah Prangin Mall patut melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan penduduk di sekitar kawasan projek berkenaan tidak terus mengalami sebarang masalah perumahan.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, berkata ini berikutan timbulnya banyak aduan kerosakan daripada penduduk di sekitar kawasan projek itu yang bangunan rumah mereka mengalami keretakan sejak projek itu dimulakan.

Dr. Koh berkata, beliau bersympati dengan nasib penduduk di kawasan berkenaan biarpun keadaan itu pada mata kasar kelihatan seolah-

olah tidak mendapat perhatian sewajarnya.

Kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa khas berhubung perkara itu dengan diketuai Pengurus Jawatankuasa Kemudahan Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi negeri, Dr. Hilmi Yahaya dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Dr. Teng Hock Nan.

Jawatankuasa yang turut dianggotai oleh kumpulan jurutera dari Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan MPPP sedang berusaha keras sejak sehari sebelum

Tahun Baru Cina, "katanya.

Pertemuan dengan pemaju juga dirancang untuk mendengar pandangan serta masalah mereka dalam menghadapi kerumitan berhubung projek berkenaan, kata Dr. Koh kepada pemberita di majlis rumah terbuka di kediaman Dr. Teng di sini, hari ini.

Berita Harian, Rabu, 12 Februari 1997.

Bacalah berita di atas ini, dan jawablah soalan-soalan berikut dalam bentuk esei.

- Siapa yang bertanggungjawab atas masalah tersebut di atas mengikut:
 - model responsibiliti yang berhirarki (*model of hierarchical responsibility*)
 - model responsibiliti kolektif (*model of collective responsibility*)
- Berikan komen anda pada setiap satu model responsibiliti itu. Apakah anda mempunyai cadangan model responsibiliti yang lain? Jelaskan.

4. Kes:

Anda memangku jawatan Bendahari sebuah bandar kecil. Pada suatu pagi, anda terjumpa di pejabat anda sebuah sampul surat yang berisi resit-resit lawatan Datuk Bandar kesebuah persidangan pembangunan ekonomi. Selain resit lawatan rasmi ini, terdapat juga resit cuti empat hari Datuk Bandar dan isteri di tempat peranginan dekat bandar persidangan. Jelas bahawa Datuk Bandar mengkehendaki Bandar membayar balik semua kos dari resit-resit dalam sampul surat tersebut, termasuk kos cuti peribadi Datuk Bandar dan isteri.

[Kes ini dikutip dari Robert B. Denhardt, *Public Administration: An Action Orientation*. (Brooks/Cole Publishing Company: Pacific Grove, CA, 1991)].

Apa yang anda lakukan?

Jelaskan keputusan anda dengan mempertimbangkan etika pengambilan keputusan anda.

5. (a) Jelaskan tiga kategori masalah dasar sejaqat (*global policy problems*) dan berikan contoh-contoh dari setiap satu kategori.
- (b) Apakah, dalam pandangan anda, terdapat perbezaan antara pembuatan dasar global (*global policy-making*) dan pembuatan dasar negara (*national policy-making*)? Jelaskan.